

Headline	Kabel voltan tinggi TNB siap awal		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jun 2021	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	10
ArticleSize	150 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,178		



Kabel voltan tinggi TNB siap awal

PETALING JAYA: Kerja-kerja membaiki kabel voltan tinggi milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terbakar di Kilometer 3.2 Jambatan Pulau Pinang siap lebih awal dan dijangka mula tugas pada 25 Jun ini, 11 hari lebih awal daripada jadual.

Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin berkata, komitmen pantas dan berterusan TNB dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS Malaysia Bhd. (PLUS) membolehkan kerja-kerja baik pulih berjalan lancar meskipun berdepan keadaan laut bergelora.

"Kerja-kerja baik pulih bermula 4 Mac melibatkan penggantian tiga kabel voltan tinggi dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Bukit Tengah ke Bayan Mutiara.

"Sepanjang tempoh pembaikan, kelancaran trafik di Jambatan Pulau Pinang tidak terganggu sama sekali kerana TNB hanya menggunakan laluan laut. Kerja-kerja pembaikan tidak menjejaskan daya harap dan kestabilan bekalan elektrik Pulau Pinang," katanya dalam satu kenyataan.

Jelasnya, TNB menggunakan bot dan baj bagi mengangkat peralatan dan alat ganti, selain melakukan kerja merentang kabel menggunakan baj sepenuhnya.

"Keutamaan TNB ialah memulihkan kerosakan yang berlaku agar pengguna dapat berterusan menerima bekalan elektrik yang stabil, selaras nilai teras kami mengutamakan pelanggan.

"TNB berterima kasih atas kerjasama yang diberikan pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri, Suruhanjaya Tenaga (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis), LLM, PLUS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Penang Port Sdn. Bhd.," katanya.